



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

NOORSAFFA NIZAH BINTI AHININ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KALANGAN GURU
PENDIDIKAN ISLAM**

NOORSAFFA NIZAH BINTI AHININ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...14...(hari bulan)MEI..... (bulan) 20.24....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOORSAFFA NIZAH BINTI AHININ (M20211002272) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Tandatangan Penyelia
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

30 MEI 2024

Tarikh



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN ISLAM

No. Matrik / Matric's No.: M20211002272

Saya / I : NOORSAFFA NIZAH BINTI AHININ
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
Jabatan Pengajian Islam
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 30 MEI 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenna dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Syukur dengan izinNya hingga ke saat ini saya terus diberikan, ruang, peluang dan kekuatan untuk menyiapkan tesis ini bagi menyempumakan syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Pendidikan Islam. Dalam usaha melaksanakan kajian ini, pelbagai sumbangan dan bantuan yang saya terima dalam pelbagai bentuk seperti bimbingan, pandangan, tunjuk ajar, kerjasama dan sokongan moral daripada banyak pihak.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya Prof Madya Dr Norhisham bin Muhamad yang telah memberi bimbingan dan dorongan sepanjang dalam proses untuk menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada, rakan seperjuangan, guru-guru di semua sekolah rendah daerah Kota Belud, Sabah, para staf UPSI, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini.

Ucapan istimewa kepada umi dan abah saya Dayang Timbulan binti Rakunman dan Ahinin bin Dusilin atas doa, dorongan dan inspirasi yang tidak terhingga dalam menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada adik beradik dan sahabat-sahabat saya, terima kasih kerana sentiasa sudi berkongsi suka dan duka serta sentiasa bersedia dalam memberi bantuan ketika saya memerlukan.

Last but not least, I wanna thank me for believing in me, I wanna thank me for doing all this hard work, I wanna thank me for having no days off, I wanna thank me for never quitting, I wanna thank me for always being a giver and trying to give more than I receive, I wanna thank me for trying to do more right than wrong, I wanna thank me for just being me at all time.

Moga Allah SWT memberikan ganjaran sewajarnya atas kebaikan kepada anda semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan dan isu pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Kajian ini juga untuk mengenal pasti perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan demografi. Bagi mengetahui amalan pelaksanaan PBS responden, kajian ini berdasarkan teori Pedagogical Content Knowledge oleh Shulman (1986) telah diaplikasikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada seramai 112 orang guru yang dipilih secara rawak mudah berdasarkan jadual penentuan ukuran saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Data dianalisis secara analisis deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatkan kajian menunjukkan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berada pada tahap tinggi ($\text{min}=4.12$, $s.p=0.18$). Ini menunjukkan GPI memiliki amalan yang baik dalam melaksanakan PBS. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa amalan yang tidak diperaktikkan oleh GPI dalam pelaksanaan PBS seperti mempelbagaikan bahan pentaksiran disebabkan bebanan kerja. Dapatkan kajian bagi isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berada pada tahap sederhana tinggi ($\text{min}=3.24$, $s.p=0.58$). Ini menunjukkan GPI menghadapi masalah semasa menjalankan PBS terutamanya pada aspek kekangan masa, bebanan kerja dan isu murid. Selain itu, terdapat sebahagian kecil GPI mengalami masalah dalam sistem pengurusan PBS serta kemudahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan peralatan PBS. Hasil analisis inferensi pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan demografi responden. Oleh itu, semua hipotesis kajian ini adalah diterima. Kesimpulannya, kajian ini menggambarkan GPI mempunyai amalan baik dalam pelaksanaan PBS. Namun, GPI tidak dapat elak dari menghadapi masalah pelaksanaan PBS. Implikasi kajian ini menunjukkan GPI menghadapi beberapa kelemahan iaitu penggunaan bahan pentaksiran, pembinaan tugas pentaksiran, penerimaan eviden dan pengurusan sistem fail di samping menghadapi kekurangan kemudahan PdP, kekangan masa dan bebanan kerja. Oleh itu, semua pihak yang terlibat harus komited dengan usaha penambahbaikan bersepada bagi mencapai matlamat yang disasarkan dalam pelaksanaan PBS.





SCHOOL-BASED ASSESSMENT AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS

ABSTRACT

The study aims to identify the practice and implementation issues of School-Based Assessment (SBA) among Islamic Education teachers (IET). It also seeks to determine the differences in SBA implementation practices among IETs based on demographics. To understand the implementation practices of respondents, Shulman's (1986) Pedagogical Content Knowledge theory was applied. The study was conducted using a quantitative approach through a questionnaire instrument distributed to a total of 112 teachers selected through simple random sampling based on the sample size determination table by Krejcie and Morgan (1970). The data was analyzed using descriptive and inferential analysis with the SPSS software. The study's findings show that the practice of implementing SBA among IETs is at a high level (mean=4.12, s.d=0.18) and that IETs have good practices in implementing SBA. However, there are still some practices that IET cannot implement in SBA such as diversifying assessment materials due to workload. The findings on the issues of SBA implementation among IETs are at a moderately high level (mean=3.24, s.d=0.58). This indicates that IET encounters difficulties in conducting SBA, particularly in terms of time constraints, workload, and student issues. IET also encountering issues with the SBA management system, teaching and learning facilities, and SBA equipment. Meanwhile, inferential analysis results reveal that there is no significant differences in SBA implementation among IETs based on respondent demographics. Thus, all hypotheses of the study are accepted. To sum up, this study shows that IET have best practices in implementing SBA. However, IET cannot avoid facing problems in SBA implementation. The study's implications highlight several weaknesses including the use of assessment materials, the creation of assessment tasks, acceptance of evidence, and management of the filing system, as well as facing a lack of teaching facilities, time constraints, and workload. Therefore, all parties involved must be committed to concerted improvement efforts to achieve the targeted goals in SBA implementation.



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kerangka Teori Kajian	13
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Kepentingan Kajian	20
1.11 Definisi Operasi Kajian	21
1.11.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah	21
1.11.2 Guru Pendidikan Islam	22
1.11.3 Amalan	22
1.11.4 Pelaksanaan	23



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.12 Penutup	24
--------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Pentaksiran	26
2.3 Pentaksiran Berasaskan Sekolah	28
2.3.1 Pentaksiran Pusat	34
2.3.2 Pentaksiran Bilik Darjah	35
2.3.3 Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum	35
2.3.4 Pentaksiran Psikometrik	36
2.4 Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah	36
2.5 Rubrik Pelaksanaan Pentaksiran	38
2.5.1 Rubrik Pelaksanaan Guru dalam Pentaksiran untuk Pendidikan Islam	39
2.6 Teori Pedagogical Content Knowledge	41
2.6.1 Perkaitan teori PCK dengan Pengajaran dan Pembelajaran	42
2.6.2 Perkaitan teori PCK dalam pelaksanaan pentaksiran	43
2.6.2.1 Perkaitan teori PCK dengan persediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran	46
2.6.2.2 Perkaitan teori PCK semasa guru melaksanakan pentaksiran	47
2.6.2.3 Perkaitan teori PCK selepas guru melaksanakan pentaksiran	49
2.7 Isu pelaksanaan PBS dalam kalangan guru	50
2.8 Kajian-kajian Lepas	56
2.9 Penutup	64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	65
3.2 Reka Bentuk Kajian	66
3.3 Kaedah Kajian	67
3.3.1 Populasi dan Sampel Kajian	67
3.3.2 Lokasi Kajian	69



3.3.3. Instrumen Kajian	69
3.3.3.1 Bahagian A- Demografi Guru	70
3.3.3.2 Bahagian B- Amalan Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	71
3.3.3.3 Bahagian C- Isu Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	72
3.4 Kesahan Instrumen Kajian	73
3.5 Kajian Rintis	74
3.6 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	75
3.7 Pengumpulan Data Kajian	77
3.8 Analisis Data	78
3.8.1 Statistik Deskriptif	78
3.8.2 Statistik Inferensi	79
3.9 Penutup	79

BAB 4 DAPATAN KAJIAN



4.1 Pengenalan	80
4.2 Demografi Responden	81
4.2.1 Analisis taburan responden mengikut jantina	81
4.2.2 Analisis taburan responden mengikut umur	82
4.2.3 Analisis taburan responden mengikut kelulusan ikhtisas	83
4.2.4 Analisis taburan responden mengikut pengalaman mengajar	84
4.3 Amalan Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	85
4.3.1 Amalan Persediaan GPI dalam melaksanakan PBS	86
4.3.2 Amalan GPI semasa melaksanakan PBS	92
4.3.3 Amalan GPI selepas melaksanakan PBS	98
4.3.4 Rumusan Amalan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan GPI	103
4.4 Isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	105
4.4.1 Isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada sistem pengurusan PBS	105



4.4.2 Isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada kemudahan PdP dan peralatan PBS	107
4.4.3 Isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada kekangan masa	109
4.4.4 Isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada beban kerja	112
4.4.5 Isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada isu murid	116
4.4.6 Rumusan Isu Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	119
4.5 Perbezaan Amalan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan GPI Berdasarkan Demografi	121
4.5.1 Perbezaan Amalan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan GPI Berdasarkan Jantina	121
4.5.2 Perbezaan Amalan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan GPI Berdasarkan Umur	122
4.5.3 Perbezaan Amalan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan GPI Berdasarkan Kelulusan Ikhtisas	123
4.5.4 Perbezaan Amalan Pelaksanaan PBS dalam Kalangan GPI Berdasarkan Pengalaman Mengajar	124
4.6 Penutup	126
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	127
5.2 Ringkasan Kajian	128
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	130
5.3.1 Amalan Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	131
5.3.2 Isu Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	140
5.4 Perbezaan Amalan Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan Demografi	145
5.4.1 Perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan jantina	145
5.4.2 Perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan umur	146
5.4.3 Perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan kelulusan ikhtisas	146



5.4.4 Perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan pengalaman mengajar	147
5.5 Rumusan Keseluruhan Kajian	147
5.5 Implikasi Kajian	151
5.6 Cadangan Penyelidikan Lanjutan	156
5.7 Penutup	158
RUJUKAN	159





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Rubrik Pelaksanaan Guru dalam Pentaksiran Berdasarkan Sekolah untuk Pendidikan Islam	39
3.1 Jadual penentuan ukuran saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)	68
3.2 Skala Likert	70
3.3 Item Demografi Guru	70
3.4 Pembahagian item dalam soal selidik berdasarkan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	71
3.5 Pembahagian item dalam soal selidik berdasarkan isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI	72
3.6 Senarai Panel Rujukan Pakar	73
3.7 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	75
3.8 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	76
3.9 Interpretasi Min	78
4.1 Profil Guru Mengikut Jantina	82
4.2 Profil Guru Mengikut Umur	83
4.3 Profil Guru Mengikut Kelulusan Ikhtisas	84
4.4 Profil Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	85
4.5 Amalan Persediaan GPI dalam melaksanakan PBS	86
4.6 Amalan GPI semasa melaksanakan PBS	92
4.7 Amalan GPI selepas melaksanakan PBS	98
4.8 Amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan tiga bahagian iaitu amalan persediaan GPI dalam melaksanakan PBS, amalan GPI semasa melaksanakan PBS dan amalan GPI selepas melaksanakan PBS	103
4.9 Isu Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada sistem pengurusan PBS	105





4.10	Isu Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada kemudahan PdP dan peralatan PBS	107
4.11	Isu Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada kekangan masa	109
4.12	Isu Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada beban kerja	112
4.13	Isu Pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI pada isu murid	116
4.14	Isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan lima aspek iaitu sistem pengurusan PBS, kemudahan PdP dan peralatan PBS, kekangan masa, beban kerja dan isu murid.	119
4.15	Ujian-t Perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan jantina.	122
4.16	ANOVA Sehala Perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan umur	123
4.17	ANOVA Sehala Perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan kelulusan ikhtisas	124
4.18	ANOVA Sehala Perbezaan amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan pengalaman mengajar	125





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Teori PCK dalam Amalan Pentaksiran. Diubahsuai dari teori Pedagogical Content Knowledge (Shulman, 1986)	16
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	18
2.1 Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah	32



SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DSPP	Dokumen Standard Prestasi Pentaksiran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPI	Guru Pendidikan Islam
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPS	Institut Pengajian Siswazah
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPU	Jadual Penentu Ujian
KPLI	Kursus Perguruan Lepasan Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah



PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PP	Pentaksiran Pusat
PPD	Pegawai Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPPM	Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PS	Pentaksiran Sekolah
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SEGAK	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)
SPM ₂	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPBS	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SPSS	Statistical Packages for Social Sciences





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Pentaksiran adalah proses pembelajaran yang meliputi aspek menghurai, mengumpul, merekod (pengujian), memberikan skor atau markah (pengukuran) dan menterjemah maklumat (penilaian) berkenaan pembelajaran murid bagi tujuan tertentu (LPM, 2000).

Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) adalah suatu pendekatan holistik dalam menilai



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



pencapaian murid di peringkat sekolah. Ia merangkumi pelbagai jenis penilaian, termasuk ujian berdasarkan projek, tugas, dan penilaian formatif yang dijalankan secara berterusan. Pendekatan ini tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek akademik semata, tetapi juga melibatkan pemantauan perkembangan murid dalam aspek pembangunan diri dan kemahiran lain. Dengan memberikan perhatian kepada keperibadian dan perkembangan menyeluruh murid, pentaksiran berdasarkan sekolah bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih komprehensif terhadap prestasi dan kemajuan mereka (Moss & Brookhart, 2009).

Menurut Sambell, K., McDowell, L., dan Montgomery, C (2013), PBS memberi peluang kepada guru untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan murid, mengesan kekuatan dan kelemahan mereka, serta memberikan maklum balas yang membina. Ini merangsang proses pembelajaran yang lebih berkesan dan membantu murid untuk mencapai potensi penuh mereka. Dengan menekankan kerjasama antara guru, murid, dan ibu bapa, PBS juga mencipta persekitaran pendidikan yang lebih bersepadu dan memberi penekanan kepada perkembangan keseluruhan murid dalam kehidupan mereka. Daripada penjelasan ini, boleh dikatakan bahawa pentaksiran meliputi pengujian, pengukuran dan penilaian. Istilah pentaksiran juga digunakan untuk melaksanakan penilaian dalam bidang pendidikan di Malaysia (Nor Mashitah, 2017).





1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) selari dengan transformasi Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). PBS bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang memberi penekanan kepada aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI). Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (Lembaga Peperiksaan, 2014). Pada tahun 2016, PS mula dikenali sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (KPM, 2019). PBS digunakan untuk mentafsir bidang akademik dan bukan akademik serta memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk menjalankan pentaksiran formatif dan sumatif berasaskan sekolah. PBS dirancang, diberi markah dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM, 2012). Guru dan murid berperanan dalam memastikan PBS dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mencapai matlamat yang dinyatakan. Guru ini berperanan sebagai motivator, fasilitator, memerhati hasil kerja murid, mendapatkan maklumat dari tugas yang diselesaikan oleh murid dan akhirnya memberi maklum balas (Mazlini Adnan et.al, 2014).





Selain itu, PBS menjadi sebahagian daripada pentaksiran calon dalam kursus meliputi sukan pelajaran. Ia bertujuan untuk menilai pengetahuan tertentu, kemahiran dan sikap yang berkaitan dengan mata pelajaran dan tidak mudah dinilai dalam peperiksaan luar. Aktiviti-aktiviti yang dibina di bawah PBS dikaitkan dengan sukan pelajaran dan harus menjadi sebahagian daripada aktiviti pembelajaran untuk membolehkan calon untuk mencapai objektif sukan pelajaran. Sepanjang pengajian bagi semua mata pelajaran, pelajar akan diberi markah untuk pengetahuan tertentu, kemahiran dan sikap menunjukkan pelajar menjalankan tugas Sekolah PBS. Tanda-tanda ini menyumbang kepada markah dan gred muktamad yang diberikan kepada pelajar untuk prestasi dalam peperiksaan (Noor Su'adah, 2014). PBS ini dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dirancang, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) (Hanifah et. al, 2021).

Pentaksiran berdasarkan sekolah ini bukanlah suatu yang baharu sebaliknya ia merupakan penambahbaikan kepada Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) sedia ada yang lebih berorientasikan peperiksaan (Rafeah, 2014). Cara pentaksiran berubah disebabkan bidang pendidikan mengikut peredaran masa yang menjurus ke arah pemodenan (Norfadhillah & Najihah, 2017). Sistem pentaksiran ini tidak sama sekali bermaksud memansuhkan peperiksaan tetapi merupakan usaha membangunkan sistem yang menggalakkan pelajar mencintai ilmu disamping dapat membangunkan budaya





persekitaran kurikulum yang mantap tanpa perlu diberi keutamaan terhadap peperiksaan (Hanifah et. al, 2021).

Dalam pelaksanaan PBS, guru perlu membantu meningkatkan pembelajaran murid berdasarkan maklumat yang diperolehi (KPM, 2012). Selain itu, guru mengajar murid untuk berfikir secara kritis dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari. Murid juga perlu tahu apa yang perlu dipelajari dan menyelesaikan tugas yang diberikan supaya guru dapat memahami dan menilai kemahiran murid. Dengan adanya pelaksanaan PBS, murid dapat dinilai berdasarkan hasil tugas yang lebih jelas dan berterusan dalam jangka masa yang panjang (Mazlini Adnan et al. 2014). Tambahan pula, prosedur penilaian berdasarkan peperiksaan sahaja tidak boleh mengukur potensi keseluruhan murid kerana peperiksaan menekankan penilaian berdasarkan kemahiran diskret dan tidak termasuk ketepatan menilai penyertaan pelajar dalam aktiviti yang dijalankan di kelas, interaksi sosial, atau situasi kehidupan sebenar (Nurfirdawati, 2016; Hii., 2018). Penggunaan standard prestasi untuk menilai dan memberi maklum balas secara berterusan tentang perkembangan pelajar di dalam bilik darjah memberi impak yang besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran guru. Hal ini seterusnya mencetuskan pelbagai rasa tidak puas hati dan luahan emosi. Guru sebagai pelaksana sistem PBS perlu sedar, memahami dan mematuhi sepenuhnya kandungan, objektif dan prosedur pelaksanaannya (Rafeah, 2014).



1.2 Pernyataan Masalah

Guru akademik merupakan individu yang penting dalam pelaksanaan PBS kerana mereka lah yang akan menjalankan atau mengendalikan PBS (Norhaslina, 2013). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), guru memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan PBS kerana guru adalah kumpulan yang akan mengupayakan proses P&P yang berkesan. Namun, masih terdapat ramai guru menghadapi masalah dalam pelaksanaan PBS. Salah satunya ialah kurang berkemahiran dalam menggunakan teknologi semasa melaksanakan PBS. Menurut Arumugham (2020), terdapat segelintir guru yang masih kurang mahir menggunakan ICT dalam pengajaran mereka. Hal ini kerana mereka kurang berfikiran terbuka untuk menggunakan teknologi dalam dunia pendidikan. Justeru, ini menjelaskan bahawa terdapat guru yang memiliki kemahiran teknologi pada tahap sederhana dan tidak mengintegrasikan teknologi dalam PdP (Suhaida et.al., 2023).

Pengajian Islam pada abad ke-21 berhadapan dengan perkembangan internet dan teknologi baharu yang agak asing dan berbeza dengan tradisi pengajian Islam. Perkara ini boleh mengubah cara hidup, cara bekerja dan cara berhubungan antara satu sama lain (M.A. Ghufron 2018). Oleh hal yang demikian, kajian Nurul Azwani & Tan Bee Piang (2022) menyatakan bahawa tidak semua guru mampu menguasai penggunaan teknologi dengan baik dan berkesan terutamanya golongan guru yang sudah berusia dan hanya menggunakan kaedah tradisional semata-mata sebelum ini. Seterusnya, terdapat guru yang tidak bersetuju bahawa PBS mengurangkan orientasi peperiksaan dan membuat suasana

pembelajaran lebih menyeronokkan. Dalam masa yang sama, PBS memberi penekanan kepada KBAT dan ini menyebabkan guru terpaksa lebih kreatif dalam menyediakan soalan sendiri. Mereka juga berhadapan dengan masalah mentaksir murid untuk KBAT dan membina soalan ujian dan juga perbincangan beraras tinggi walaupun seharusnya dengan PBS, mereka sewajarnya lebih cekap mendemonstrasi dan memupuk kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, bekerjasama, berfikir kritis dan kreatif, perbincangan inkuiiri (Rosnani et.al., 2022).

Terdapat juga guru yang masih mengalami masalah kekurangan maklumat dalam melaksanakan PBS. Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai latihan yang cukup untuk melaksanakan PBS (Rosnani et. al., 2022). Hal ini boleh memberi impak negatif kepada keberkesanan dalam pelaksanaan PBS. Sebuah kajian yang dijalankan oleh Mohd Shahrani dan Mohamad Khairi (2023) tentang cabaran guru pengajaran Pendidikan Islam KSSM menunjukkan guru mengalami masalah dalam proses merungkai kurikulum dengan DSKP kerana maklumat tidak diberikan kepada semua guru sekolah. Begitu juga dengan kajian oleh Nurul Asyikin, Chew Fong Peng dan Zuraidah (2020) tentang tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Melayu menyatakan terdapat guru tidak memiliki maklumat mendalam berkenaan mata pelajaran penghususan mereka. Kurang maklumat atau pengetahuan ini menyulitkan guru-guru dalam menjalankan pentaksiran dengan lebih berkesan. Justeru, keperluan kepada mengetahui dan memahami objektif serta tujuan pentaksiran dengan jelas adalah sangat penting (Sh. Siti Hauzimah, 2018).



Disamping itu, Tengku Kasim dan Abdul Razak (2018) berpendapat bahawa guru berhadapan dengan pelbagai kerentenan murid dalam kelas yang boleh mengganggu proses PdPc. Setiap murid memiliki ciri-ciri yang berbeza dari segi minat, gaya pembelajaran, kebolehan serta kecenderungan. Oleh itu, seorang guru perlu bijak merancang PdPc sesuai dengan tahap penguasaan murid-muridnya. Guru yang gagal memilih strategi pembelajaran yang sesuai akan mengakibatkan murid menjadi bosan dan tidak berminat untuk mengikuti PdPc (Abang & Muhd Izwan Mahmud, 2021). Dalam masa yang sama, sikap murid boleh menjadi faktor kesukaran dalam menjalankan penilaian dan pentaksiran bagi menilai prestasi mereka. Hal ini boleh terjadi sekiranya terdapat murid yang kerap tidak hadir PdP. Begitu juga sekiranya murid tidak hadir ketika kuiz dan ujian pentaksiran dijalankan serta tidak menghantar tugas yang diberikan. Ini menyukarkan lagi proses



05-mentaksir pencapaian murid-murid (Magesvaran, 2021).



Selain itu, isu kekangan masa dan bebanan kerja masih berlaku kepada guru-guru pada masa kini tidak kira ketika proses PdP ataupun proses PBS dilaksanakan. Kajian Mohd Haidzir dan Norasmah (2019) yang menyatakan pengagihan jadual guru yang dilaksana di sekolah didapati kurang berkesan kerana terdapat guru yang mengajar dengan masa yang banyak dan padat dalam seminggu. Keadaan ini menyebabkan guru tidak dapat menjalankan aktiviti pentaksiran alternatif PBS dengan lebih berkesan. Guru juga ditugaskan untuk menggantikan guru yang tidak hadir. Aktiviti sampingan sekolah juga mengganggu masa pengajaran guru. Hal ini menyebabkan guru terpaksa bertungkus lumus menghabiskan silih. Tambahan lagi, hasil kajian Kaur dan Rathakrishnan (2020)



menunjukkan terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru, termasuk kekangan masa untuk melaksanakan penilaian berterusan, ketidakpastian dalam menentukan standard penilaian yang konsisten, dan keperluan untuk meningkatkan kemahiran penilaian dan maklum balas kepada pelajar. Bukan itu sahaja, guru merasa terbeban dengan kerja PBS kerana mereka terpaksa menyediakan soalan dan aktiviti yang banyak selaras dengan tajuk-tajuk dalam sukanata mata pelajaran yang mereka ajar (Rosnani et. al., 2022). Guru juga menghadapi isu kekangan masa dalam menyediakan bahan dan aktiviti PdPc bagi guru yang kurang pendedahan dengan aktiviti PAK-21 (Mohd Shahrani & Mohamad Khairi, 2023).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Berdasarkan permasalahan di atas, satu kajian tentang pelaksanaan PBS dalam kalangan guru perlu dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI di sekolah-sekolah rendah daerah Kota Belud, Sabah. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI dan mengenalpasti perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan demografi.





1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI.
2. Mengenalpasti isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI.
3. Mengenalpasti perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan jantina.
4. Mengenalpasti perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan umur.
5. Mengenalpasti perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan kelulusan ikhtisas.
6. Mengenalpasti perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan pengalaman mengajar.





1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI?
2. Apakah isu pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI?
3. Adakah terdapat perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan jantina?
4. Adakah terdapat perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan umur?
5. Adakah terdapat perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan kelulusan ikhtisas?
6. Adakah terdapat perbezaan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan pengalaman mengajar?





1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, pengkaji telah membuat hipotesis nol kajian seperti berikut:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan jantina.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan umur.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan kelulusan ikhtisas.
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pelaksanaan PBS dalam kalangan GPI berdasarkan pengalaman mengajar.





1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini merujuk kepada teori *Pedagogical Content Knowledge* (PCK) yang diciptakan oleh Lee Shulman pada tahun 1986. Teori ini memfokuskan pada persediaan guru sebelum melaksanakan pembelajaran dan pentaksiran bagi memastikan bahan pentaksiran yang akan digunakan dalam keadaan baik (Shulman, 1987).

Teori *Pedagogical Content Knowledge* (PCK) merujuk kepada pemahaman guru tentang bagaimana mengajar sesuatu subjek dengan cara yang efektif kepada murid-murid mereka. Ia menggabungkan dua aspek penting:



- i. Pengetahuan Kandungan (PK): pemahaman guru tentang subjek yang mereka ajar. Ini termasuk pengetahuan mendalam tentang konsep, fakta, prinsip, dan struktur subjek tersebut (Shulman, 1986).
- ii. Pengetahuan Pedagogi (PP): kemahiran guru dalam mengajar dan mendidik murid-murid. Ini melibatkan pelbagai kaedah pengajaran, strategi penilaian, pengurusan bilik darjah, dan pemahaman tentang perkembangan murid (Mishra & Koehler, 2006).



Gabungan PK dan PP yang membentuk PCK membolehkan guru untuk menyampaikan pelajaran secara lebih efektif dan berkesan kepada murid-murid. PCK juga membina pemahaman guru tentang bagaimana mengajar sesuatu subjek secara efektif kepada murid-murid, termasuk mengenal pasti kesilapan umum murid, memilih kaedah pengajaran yang sesuai, dan menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan murid (Magnusson et. al, 1999).

Dalam Teori *Pedagogical Content Knowledge* (PCK), terdapat beberapa aspek yang berkaitan dengan persediaan guru sebelum, semasa, dan selepas melaksanakan pentaksiran (Magnusson et.al, 1999):

1. Persediaan sebelum melaksanakan pentaksiran:
 - a. Perancangan instrumen pentaksiran - Guru perlu merancang instrumen pentaksiran yang sesuai dengan kandungan pelajaran dan objektif pembelajaran. Ini melibatkan pemahaman yang mendalam tentang isi kandungan serta strategi penilaian dan pentaksiran yang efektif.
 - b. Menentukan tujuan pentaksiran - Guru perlu memahami dengan jelas tujuan pentaksiran bagi menentukan jenis penilaian yang sesuai untuk mengukur pencapaian murid. Ini memerlukan penguasaan yang kukuh terhadap objektif pembelajaran dan hasil yang diharapkan.



2. Semasa melaksanakan pentaksiran:

- a. Memberi arahan yang jelas - Guru perlu memberikan arahan yang jelas kepada murid mengenai pentaksiran yang dilakukan, termasuk cara menjawab soalan dan kriteria pentaksiran. Ini bagi memastikan bahawa murid memahami apa yang diharapkan daripada mereka.
- b. Mengendalikan pentaksiran dengan berkesan - Semasa melaksanakan pentaksiran, guru menggunakan PCK untuk memastikan proses pentaksiran berjalan lancar dan berkesan. Mereka mungkin perlu membuat penyesuaian segera berdasarkan respons atau maklum balas daripada murid.




3. Selepas melaksanakan pentaksiran:

- a. Menganalisis data pentaksiran - Guru menggunakan PCK untuk menganalisis data pentaksiran dan membuat kesimpulan tentang pencapaian murid. Ini melibatkan penggunaan pengetahuan kandungan dan pedagogi untuk memahami maklumat yang diperoleh dari hasil pentaksiran.
- b. Merancang tindak lanjut Pembelajaran - Berdasarkan analisis data pentaksiran, guru menggunakan PCK untuk merancang tindak lanjut pembelajaran yang sesuai. Mereka mungkin perlu menyediakan bahan tambahan atau aktiviti pemulihan bagi membantu murid yang menghadapi kesukaran.



Secara keseluruhan, PCK memainkan peranan penting dalam persediaan guru sebelum, semasa, dan selepas melaksanakan pentaksiran. Ia membantu guru untuk membuat keputusan yang bermakna dan memberikan sokongan yang sesuai kepada murid dalam proses PdPc.



Rajah 1.1 Teori PCK dalam Amalan Pentaksiran. Diubahsuai dari teori Pedagogical Content Knowledge (Shulman, 1986)



1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian dalam rajah 1.3 dibina berdasarkan objektif serta persoalan kajian.


Kerangka ini memberi gambaran tentang beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti amalan pelaksanaan PBS dan isu pelaksanaan PBS yang dihadapi guru sewaktu melaksanakan proses PBS di sekolah bagi menilai perkembangan murid.

Amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan sebagai suatu kebiasaan. Dalam konteks kajian ini, amalan pelaksanaan merujuk kepada amalan pelaksanaan yang GPI praktikkan dalam menjalankan PBS. Berdasarkan teori PCK, terdapat enam aspek tentang amalan sebelum, semasa dan selepas pentaksiran dilaksanakan iaitu merancang instrumen penilaian, menentukan tujuan pentaksiran, memberi arahan yang jelas, mengendalikan pentaksiran dengan berkesan, menganalisis data pentaksiran dan merancang tindak lanjut pembelajaran.

Selain itu, perkataan “isu” bersinonim dengan persoalan, masalah, perkara, hal, pokok, perbincangan, tajuk perbualan dan topik. Maka, isu yang ditekankan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PBS seperti membuat persediaan mengajar, menyemak latihan murid, akauntabiliti terhadap tugas dan



murid, pelajaran dan pentadbiran. Seterusnya, kajian ini mengenalpasti kekangan atau kesulitan yang timbul tatkala seorang guru menjalankan PBS dan PdP dalam bilik darjah serta beban tugas-tugas sampingan yang perlu dilakukan seperti mengisi data murid, memegang jawatan dalam unit kurikulum, hal ehwal murid dan lain-lain. Kewujudan masalah-masalah ini dapat mempengaruhi seorang guru untuk mengurus pelaksanaan PBS dengan lebih baik.



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas guru Pendidikan Islam yang menjalankan PBS. Lokasi kajian ini dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah (SK) dalam daerah Kota Belud, Sabah. Pemilihan sampel ini tidak boleh dijadikan rumusan berhubung dengan pelaksanaan PBS di seluruh negara kita.

Disebabkan dapatan kajian ini berdasarkan pandangan GPI sebagai pentaksir di sekolah-sekolah yang terlibat sahaja, penilaian daripada pihak yang bertanggungjawab secara langsung dalam merangka PBS sekolah khususnya Lembaga peperiksaan Malaysia tidak diambil kira dalam kajian. Ia juga tidak merangkumi pandangan pihak pentadbiran sekolah dalam menilai pelaksanaan pentaksiran yang dikaji.

Selain itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Penyelidik menggunakan kaedah dalam bentuk *closed-ended question*. Melalui kaedah ini responden diminta untuk membuat pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan oleh penyelidik. Dengan berbuat demikian, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklumbalas melalui soal selidik. Kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam





soal selidik. Dapatan kajian ini juga bergantung kepada kejujuran maklum balas respon terhadap semua soalan yang dikemukakan dalam soal selidik.

1.10 Kepentingan Kajian

1. Membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), nazir sekolah dan Bahagian Buku Teks (SPBT) untuk merangka latihan dan kursus yang sesuai kepada guru-guru yang melaksanakan PBS. Hal ini sebagai persediaan kepada guru-guru untuk memahami konsep pentaksiran dengan jelas dan tepat di samping membantu dalam melaksanakan pentaksiran dengan lancar.
2. Memberikan maklumbalas secara telus kepada pihak KPM, LPM, BPK, SPBT dan lain-lain agar dapat memberikan input yang jelas dari masa ke semasa berkenaan PBS.
3. Membantu guru-guru untuk melaksanakan PBS dengan lebih sistematik dan efisien.
4. Membantu pihak pengurusan atau pentadbir sekolah merangka aktiviti yang dapat membantu menangani permasalahan yang berlaku di peringkat sekolah.





5. Membantu guru-guru lebih bertanggungjawab dalam membentuk kemenjadian murid sejajar dengan melaksanakan PBS secara holistik.
6. Mendorong pihak pentadbir sekolah-sekolah yang terlibat dalam menyokong dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dan sering menjalankan pemantauan agar pelaksanaan PBS sentiasa di tahap yang cemerlang.

1.11 Definisi Operasi Kajian

1.11.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah



PBS adalah suatu pentaksiran yang bersifat holistik. PBS dilaksanakan untuk menilai aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). PBS juga akan mentaksir dalam dua bidang iaitu bidang akademik dan bukan akademik. Selain itu, PBS akan dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksiran dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam PdP mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan (LP). Komponen-komponen yang ada dalam PBS adalah pentaksiran sekolah, pentaksiran pusat, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum dan pentaksiran psikometrik. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), PBS menekankan kepada kesemua aspek JERI iaitu jasmani, emosi,





rohani dan intelek berbanding kepada pentaksiran sedia ada yang lebih memberi penumpuan kepada pencapaian akademik melalui peperiksaan.

1.11.2 Guru Pendidikan Islam

Menurut Ahmad (1997), guru pendidikan Islam bermaksud golongan yang menjalankan tugas ikhtisas sebagai pendidik dengan mendidik dan melatih akal, jasmani dan rohani manusia berasaskan nilai-nilai Islam. Didikan ini bersumberkan al-Quran dan Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan beribadah kepada Allah SWT (Norhaslina, 2013).

GPI dalam kajian ini merujuk kepada GPI yang terlibat dengan pelaksanaan PBS.



1.11.3 Amalan

Amalan membawa maksud perbuatan yang baik atau perbuatan yang biasa dilakukan. Menurut Kamus Dewan (2007), amalan bermaksud sesuatu yang biasa dilakukan sebagai suatu kebiasaan. Menurut Yaakob dan Yahya (2011), Amalan ialah perlakuan yang dijelmakan melalui simbol, wira, model, upacara, adat resam, tradisi dan tatasusila sosial yang diterima umum. Pada pandangan Noralina (2007) pula, amalan ialah perkara yang berkait dengan aktiviti fizikal individu dalam menunaikan perintah agama. Contohnya, amalan keagamaan bagi penganut agama Islam ialah solat, puasa, zakat dan menunaikan





haji. Dalam konteks kajian ini, amalan bermaksud sesuatu tindakan atau kebiasaan yang dilakukan guru Pendidikan Islam sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan PBS.

1.11.4 Pelaksanaan

Pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan, menjalankan, mengusahakan rancangan, tugasan dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Selain itu, pelaksanaan merujuk kepada proses atau tindakan melaksanakan atau menjalankan sesuatu, seperti pelaksanaan projek, dasar, atau program. Ini seringkali melibatkan penerapan langkah-langkah yang dirancang sebelumnya untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Pelaksanaan juga dapat merujuk kepada proses mengubah konsep atau idea menjadi tindakan yang nyata atau implementasi. Ini melibatkan langkah-langkah praktikal yang diambil untuk mewujudkan sesuatu dalam amalan atau realiti. Contoh-contoh termasuk pelaksanaan dasar kerajaan, pelaksanaan projek pembangunan, atau pelaksanaan strategi perniagaan. Sesuatu perkara yang telah dijalankan atau dilaksanakan termasuk dalam istilah pelaksanaan. Ini merujuk kepada proses atau tindakan melaksanakan atau menjalankan sesuatu, seperti pelaksanaan dasar, projek, atau program (Pressman & Maxim, 2015). Pelaksanaan dalam kajian ini merujuk kepada amalan GPI sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan PBS di sekolah-sekolah rendah yang terlibat.





1.12 Penutup

Bab ini secara keseluruhannya menerangkan dengan jelas mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori dan konsep kajian serta kepentingan kajian. Batasan dan definisi operasi telah dijelaskan supaya dapatan kajian akan lebih menjurus kepada persoalan kajian yang hendak dicapai.

